

Tarbiah mengenai Sabah dan Sarawak

BH 17/9/14 MS 29.

Sekali lagi kita merayakan Hari Malaysia. Sambutannya didapati lebih meriah di Sabah dan Sarawak. Malah, mereka amat mengalu-alukannya apabila diumumkan ia akan dijadikan cuti nasional mulai tahun 2010.

Sebenarnya, penduduk Sabah dan Sarawak sudah lama memohon agar 16 September dijadikan cuti umum di seluruh negara seperti Hari Kemerdekaan pada setiap 31 Ogos. Namun, ia tidak dilihat sepenting itu untuk diraikan di seluruh negara oleh kepimpinan terdahulu.

Walau bagaimanapun, kepimpinan kini berbeza dan bersedia melihat kepentingan Hari Malaysia. Syabas! Dengan ini, bukan sahaja perayaan ini satu simbolisme yang bererti tentang kedudukan Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia.

Ia juga satu kefahaman untuk menyangkal dakwaan sekian lama bahawa Sabah dan Sarawak berada di bawah kuasa Semenanjung.

Dari satu segi, tidak dapat dinafikan dengan adanya perayaan Hari Malaysia, integrasi nasional, khususnya sokongan menyaling antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak, akan menjadikan Malaysia lebih teguh. Ini kerana pengiktirafan Hari Malaysia ini akan memupuk sentimen kekitaan yang le-

jud antara mereka.

Identiti ini mungkin jauh berbeza dengan yang di Semenanjung. Namun, itulah sifat dan hakikatnya. Ia sesungguhnya memperlihatkan betapa karibnya hubungan pelbagai komuniti di sana, baik sesama yang asal mahupun antara yang asal dengan yang bukan asal.

Oleh itu, dasar di Sabah dan Sarawak perlu dibenarkan mengiktiraf kepelbagaian istimewa ini sepenuhnya, baik dalam bidang agama, warisan dan bahasa. Dengan ini, sebagai contoh, bahasa Iban dan Kadazandusun bersekali dengan yang lain-lain, bukan sahaja perlu diinstitusikan. Semua bahasa tempatan ini juga perlu diberi kewibawaan di wilayah masing-masing.

Segala yang diperkata itu sebenarnya kurang difahami banyak pihak,

khususnya oleh kita di Semenanjung. Kita di sini tidak banyak mengetahui dan mengenali penduduk Sabah dan Sarawak di sana.

Sudah tiba masanya kita tingkatkan pemahaman ini. Dengan ini, kegelapan kita selama ini tentang hakikat sosiopolitik, sosioekonomi dan sosiobudaya di dua wilayah ini, bukan sahaja akan menjadi cerah. Ia juga akan meluaskan pandangan hidup kita yang selama ini sempit tentang etnisiti



Dasar di Sabah dan Sarawak perlu dibenarkan mengiktiraf kepelbagaian istimewa ini sepenuhnya, baik dalam bidang agama, warisan dan bahasa"

bih mendalam di tiga wilayah ini.

Dari segi yang lain, selepas 51 tahun wujud sebagai satu ikatan, kita sebenarnya tidak banyak mengenali antara satu sama lain. Ini dapat dilihat dengan jelasnya apabila kita tidak berjaya mengenali aspirasi penduduk sesuatu wilayah.

Tak peka sejarah

Kegagalan ini disebabkan kita tidak peka kepada hakikat kita sebenarnya memiliki sejarah, corak kependudukan dan perkembangan kemasyarakatan yang tidak sama, sebelum kita bercantum sebagai satu entiti politik pada 1963.

Oleh sebab persekitaran sejarah dan lain-lain yang tidak sama antara tiga wilayah ini, Sabah dan Sarawak perlu diberi kebebasan untuk mencorakkan masyarakat mereka sendiri, khususnya mengikut kepelbagaian etnik yang rencam lagi tulen, yang berleluasa sekali di sana. Oleh itu, dua wilayah ini tidak semestinya mengikut corak yang diguna pakai di Semenanjung.

Dengan ini, sistem kepercayaan, bahasa dan budaya, impian serta harapan mereka bukan sahaja perlu difahami dan diapresiasi sepenuhnya. Segala keputusan mengenainya juga perlu ditetapkan mereka sendiri berdasarkan identiti keharmonian akrab antara komuniti yang telah lama wu-

dan agama, setelah melihat bagaimana kedua-dua ini saling menyokong di Sabah dan Sarawak.

Perbaiki integrasi nasional

Selepas berlakunya beberapa kehampaan oleh kita di Semenanjung untuk menghormati nilai dan impian penduduk Sabah dan Sarawak, destini Sabah dan Sarawak adalah masih dengan Semenanjung. Oleh itu, marilah kita terus memperbaiki integrasi nasional yang dipupuk sejak 1963 lagi, untuk mempertingkatkan ke tahap terbaik.

Selama 51 tahun membina negara bangsa, tidak dapat dinafikan banyak juga yang sudah dilakukan untuk penduduk Sabah dan Sarawak, untuk ikut mengikatkan mereka dengan kita di Semenanjung. Namun, diakui banyak lagi yang perlu dilakukan dan boleh pun dilakukan dengan lebih baik.

Untuk ini, keperluan untuk mentarbiah kita di Semenanjung tentang mereka di Sabah dan Sarawak, perlu berterusan. Tarbiah inilah bahagian penting dalam pendekatan baharu kita untuk memupuk identiti Malaysia yang merangkumi semua wilayah.



Penulis

ialah Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya, Majlis Profesor Negara